



THE COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM (CIDS NEW-GEN)

SISTEM REKA BENTUK INSTRUKSIONAL KOLABORATIF

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN LANGGANAN



Transforming teachers....inspiring learners...

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN LANGGANAN
CIDS New-Gen

1. Istilah:

- a) **Daftar** – bermaksud untuk dapat ID dan akses CIDS New-Gen secara percuma selama 3 bulan (**Untuk Pengguna Baharu Sahaja yang belum ada ID. Pengguna lama yang sudah ada ID jangan Daftar kecuali guru yang baharu masuk tanpa ID**)

Pengguna Baharu (masih belum ada penyelaras di sekolah tersebut):

- Apabila anda daftar (ikut arahan bagaimana untuk daftar)– anda diberi ID (boleh masukkan username & password sendiri) dan isikan info yang diperlukan dalam halaman pendaftaran.
- Automatik anda diberi status penyelaras – boleh cipta kelas dan lain-lainnya dibawah bidang tugas penyelaras.
- Anda boleh akses CIDS-New Gen, explores fitur-fiturnya dan buat RPH.
- Tempoh diberikan ialah 3 bulan secara percuma.
- Anda juga boleh dapatkan ID pengguna untuk rakan-rakan yang lain melalui menu “**Profil – Cipta Profil Pengguna**” setelah login ke CIDS New-Gen.

Pengguna sedia ada (pengguna lama yang sudah ada ID):

- Tidak perlu didaftar atau Cipta Profil Pengguna. Boleh terus guna CIDS-New Gen
- b) **Langgan (atau lesen)** – bermaksud bayaran untuk menggunakan CIDS New-Gen.
- Apabila sudah selesai pembayaran – bermakna anda sudah berlanggan dan anda boleh terus buat RPH dengan ID yang sedia ada.

SOALAN LAZIM - FAQ

1. Adakah CIDS New-Gen perlu dilanggan dan berbayar?

- Ya, Mulai 2025/2026 CIDS New-Gen perlu dilanggan (dibeli lesen) dan berbayar kadar minimum sahaja sebagai menampung kos pengurusan dan penyelenggaraan.

2. Berapakah harga langganan yang perlu dibayar dan siapa yang bertanggung mewakili guru untuk buat bayaran?

- **Pakej Sekolah: RM10** (sepuluh ringgit sahaja) untuk seorang guru tempoh 1 tahun (sama ada dibayar oleh sekolah atau dibayar oleh setiap guru)
- **Kelayakan Minima: Untuk pertama kali** perlu langgan minimum 5 orang ($5 \times RM10 = RM50$) layak pula dapat 1 lesen free.
- RM50 ($5 + 1$ lesen) = 6 lesen
- 25 pengguna – dapat tambahan 1 free ID (Jumlah free keseluruhan: 2)

- 50 pengguna – dapat lagi 1 free ID (jumlah free keseluruhan: 3)
- 100 pengguna – dapat lagi 1 free ID (jumlah free keseluruhan: 4)
- 150 ke atas – dapat 1 lagi free ID (Jumlah free keseluruhan: 5)
- **Setiap tambahan untuk kali ke dua dan seterusnya (boleh dibuat berkali-kali)** pengguna boleh buat pada bila-bila masa ialah RM10 untuk seorang guru (tidak ada had penambahan – boleh tambah 1 /2/3 pengguna dan seterusnya)
- **Pakej Individu: RM15** (lima belas ringgit sahaja) untuk seorang guru tempoh 1 tahun. (jika tidak melalui penyelaras)
- **Jumlah pembelian/langganan – berkuatkuasa pada hari pembelian/langganan** (walaupun ada guru-guru yang akan bersara selepas tarikh ini).
- **Untuk mendapat pakej Sekolah Penyelaras CIDS New-Gen harus diberi peranan untuk buat bayaran (buat koleksi daripada guru/sekolah dan bayar mengikut prosedur yang ditetapkan)**

3. Sekiranya saya ada ID percuma bolehkah digunakan untuk guru-guru?

- Boleh
- Contoh: Sekolah ada **59 guru** (layak **dapat 3 free** jika berlanggang – kerana **melepas 50 pengguna**)
- Tetapi sekolah beli lesen **56 guru** (layat **dapat 3 free** jika berlanggang – kerana **melepas 50 guru**)
- Maka 3 orang guru lagi gunalah yang free tu.
- Isu pembayaran setiap individu – terpulang pada pihak sekolah (beli 56 pakai 59 = $(RM560 / 59 \text{ guru} = 9.4915)$ setiap guru bayar RM5.4915

4. Bilakan masanya untuk dibayar?

- Boleh mulai bila-bila masa (Jumlah waktu penggunaan – 1 tahun bermula tarikh bayaran hingga genap 1 tahun. Contoh: Langgan bulan April tahun ini – sah laku hingga April tahun berikutnya)

5. Kalau saya tak bayar sekarang saya tak boleh guna aplikasi ini kah?

- Boleh.
- Diberi tempoh hingga akhir bulan April masih boleh digunakan tanpa bayaran.
- Mulai 1 Mei memerlukan langganan.

6. Sekiranya saya tidak berlanggan saya tak boleh akseskah CIDS New-Gen?

- Boleh.
- Anda boleh akses - salin, cetak, simpan rekod pdf dalam folder anda.
- Cuma tidak boleh cipta Rekod/RPH baharu .
- ID anda masih kekal dan sekiranya anda ingin guna semula, perlu berlanggan dan terus guna tanpa memerlukan pendaftaran yang baharu.

7. Bagaimana hendak membuat pembayaran?

- Sila tekan pada menu Langgan – pada laman utama.
- Baca info terdapat di situ.
- Pilih cara bayaran – (i) Kad Kredit (ii) internet banking (iii) Bayar ke kaunter bank dan resitnya upload ke urusetia CIDS New-Gen sebagai bukti pembayaran. Invoice /resit akan disediakan secara otomatis.

8. Siapa yang menguruskan pembayaran?

- **Pakej sekolah** – penyelaras CIDS New-Gen sekolah mengurus pembayaran untuk semua anggota warga sekolah.
- **Pakej individu** – individu mengurus bayaran sendiri (dicadangkan jika individu melebihi 5 orang – gunakan pakej sekolah – lebih jimat dan diuruskan oleh penyelaras)

9. Jika saya seorang sahaja di sekolah saya yang ingin menggunakan CIDS New-Gen, Bolehkah?

- Boleh. Guna Pakej Individu
- Bila daftar anda secara otomatis jadi penyelaras yang membolehkan anda cipta kelas dan terus menggunakan CIDS New-Gen.


10. Jika rakan saya di sekolah yang sama ingin juga gunakan bagaimana?.

- Anda selaku penyelaras boleh cipta ID untuknya (sila baca info)
- Kemudian buat bayaran untuknya
- Rakan tersebut boleh akses dan terus memaksukkan info pada profil diri, buat jadual dan terus guna CIDS-New Gen.

11. Bagaimana saya selaku penyelaras ingin memastikan guru-guru saya sudah dapat lesen (buat bayaran) CIDS New-Gen?

- Setelah anda buat bayaran akan ada langkah untuk anda uruskan pengguna (ada butang “**Masukkan Pengguna Ke Akaun**”).
- Secara otomatis semua pengguna yang sudah ada ID akan tersenarai sama ada yang buat bayaran atau yang tidak buat bayaran.
- Penyelaras perlu tanda (tick) pada guru-guru yang sudah membuat bayaran.
- Setelah tick – secara otomatis pengguna tersebut akan boleh terus guna CIDS New-Gen

Contoh: 1 – Setelah selesai langganan – Masukkan Pengguna ke Akuan



SILA RUJUK PANDUAN – PROSES LANGGANAN

Contoh 2: Mengurus pengguna

#	Nama	Login	Institusi	Tarikh Tamat Tempoh	Berlesen
1	NAMA PENGGUNA	ID PENGGUNA	NAMA SEKOLAH	2026-03-27	<input checked="" type="checkbox"/>
2				2026-03-27	<input checked="" type="checkbox"/>
3				2026-03-24	<input checked="" type="checkbox"/>
4				2026-03-27	<input checked="" type="checkbox"/>
5				2026-03-27	<input checked="" type="checkbox"/>
6				2026-03-27	<input checked="" type="checkbox"/>
7				2026-03-27	<input checked="" type="checkbox"/>

12. Kalau saya pindah sekolah bagaimana? Saya perlu bayar lagi ke?

- Jika dibayar oleh pihak sekolah anda perlu berbincang dengan pentadbir sama ada mereka (i) membenarkan anda guna di sekolah lain berdasarkan langganan yang telah dibuat atau (ii) tidak benarkan (iii) benarkan dengan syarat perlu bayar balik bayaran langganan.
- Kes (i) jika dibenarkan anda terus guna CIDS-New Gen macam biasa – hanya ubahsuai pada profil diri – pilih sekolah yang bertukar.

- Kes (ii) Jika tidak benarkan – anda boleh bertanya pada sekolah baharu sama ada sekolah boleh bayarkan atau bayar sendiri. Jika sekolah bayar – pihak penyelaras sekolah tersebut akan uruskan untuk dapat pakej sekolah (bayar RM10 sahaja). Jika anda yang perlu bayar – sila serahkan wang kepada penyelaras untuk diuruskan. Tetapi jika sekolah tersebut tidak menggunakan CIDS New-Gen, anda boleh klik langganan dan terus ikut prosedur langganan (pakej individu RM15).
 - Kes (iii) Benarkan dengan syarat bayar balik pada sekolah. Anda bayarkan kepada sekolah dan anda terus guna CIDS-New Gen tanpa perlu buat apa-apa cuma ubahsuai pada Profil diri.
- 13. Sebagai penyelaras bagaimana saya mengurus pengguna yang berpindah ke sekolah lain?**
- **Jika pengguna dibenarkan meneruskan guna lessen tersebut** – anda tidak perlu buat apa-apa.
 - **Pastikan pengguna tersebut edit Profilnya** dan ubah informasi tentang nama sekolah baharu. Pada senarai pengguna akan menjadi warga kelabu (grey).
 - **Jika pengguna tidak dibenarkan meneruskan guna lessen tersebut** – anda perlu **nyahpilih (untick) kotak** pada namanya.
 - Secara otomatis – lesennya sudah ditarik balik.
 - Pengguna tersebut boleh buat bayaran di sekolah baharunya.
- 14. Perlukah saya tukar ID saya di sekolah baharu?**
- **Tidak perlu.** ID kekal selama-lamanya walaupun sudah tidak guna CIDS New-Gen lagi.
 - **Hanya langganan (lesen) sahaja yang perlu diperbaharui** untuk memastikan anda boleh buat RPH.
- 15. Sekiranya terdapat guru yang bersara atau meninggal dunia tetapi sudah berlanggang bagaimana?**
- Penyelaras untick pada kotak bersebelahan namanya
 - Maka guru ini diaggap sudah tidak berlanggan
 - Bermakna sekolah sudah ada 1 lesen kosong (daripada guru tadi)
 - Lesen tersebut boleh digunakan kepada guru lain (guru baharu (guru tersebut perlu ada ID dahulu dan daftar dalam sistem– lihat nota) atau guru yang perlukan lessen
 - Penyelaras tickkan pada nama guru tersebut – apabila tick ia dianggap sudah berlesen dan terus pakai hingga tamat lessen.
 - Guru yang bersara/meninggal dunia – ID nya kekal (boleh masuk ke sistem tapi tidak boleh buat rekod baharu) hingga 4 tahun – Idnya akan terhapus secara automatik.

Rujuk Panduan PROSES LANGGANAN (pada laman utama laman web CIDS New–Gen)
untuk penjelasan/prosedur membuat langganan

SILA IKUTI PENGUMUMAN YANG AKAN DIBERI DARI SEMASA.

**SEBARANG PERTANYAAN BERKAITAN LANGGANAN & MASALAH TEKNIK SILA HUBUNGI
TELEFON/WHATSAPP:**

En. Hasani: 019 – 6630769